

## PN tak teruskan rundingan peruntukan pembangkang



# Anwar mahu MP pembangkang terus bincang

**Putrajaya:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta ahli Parlimen pembangkang terus berbincang dengan timbalannya, Datuk Seri Fadillah Yusof berhubung permohonan peruntukan untuk kawasan mereka.

Beliau merujuk kenyataan Ketua Whip Perikatan Nasional (PN), Datuk Seri Takiyuddin Hassan kelmarin berhubung keputusan ahli Parlimen pembangkang tidak akan meneruskan perbincangan dan permohonan peruntukan kerana dikenakan syarat.

Ditemui pemberita selepas merasmikan Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan 2023, di sini semalam, Anwar berkata, perbincangan berkait peruntukan untuk kawasan Parlimen pembangkang, perlu dibuat dengan Timbalan Perdana Menteri Kedua itu.

Mengenai dakwaan terdapat pelbagai syarat perlu dipatuhi ahli Parlimen pembangkang sekiranya ingin membuat permohonan peruntukan bagi kawasan masing-masing, Perdana Menteri berkata: "Tiada".

Dalam kenyataannya kelmarin, Takiyuddin yang juga Setiausaha Agung PAS, berkata beliau sudah dua kali bertemu Fadillah dan mendakwa syarat diminta kerajaan tidak pernah dilakukan oleh pentadbiran sebelum ini.